

(4) *Bab Larangan Menghadap Qiblat³³ Ketika Qadha' Hajat.³⁴*

(4) Perkataan الْخُبْتُ boleh dibaca dengan dhammah ba'nya atau dengan sukun ba'nya, walaupun erti kedua-duanya berbeza. Kedua-duanya tsabit daripada Nabi s.a.w. berdasarkan riwayat yang sahih.

³⁰ al-Bāhili. Abu Haatim berkata, "Tsiqah". Imam Ahmad ditanya tentangnya, beliau menjawab: "Tsiqah lagi Ma'mūn. Kami telah menyelidik kritikan orang terhadapnya, kami dapati ia tidak berasas". Ibnu Ma'in berkata, "Tsiqah lagi ma'mūn". Beliau sangat menyanjunginya. Ibnu Sa'ad berkata, "Perawi tsiqah lagi banyak meriwayatkan hadits". Imam Bukhari meriwayatkan haditsnya di samping perawi lain (مقرونا بغيره). `Amar bin Marzūq meninggal dunia pada tahun 224 Hijrah.

³¹ Tujuan Nabi s.a.w. bersabda begini ialah untuk menyatakan alasan bagi perintahnya supaya memohon perlindungan kepada Allah apabila hendak masuk ke dalamnya.

³² **Kedudukan hadits ke-6: Ḥasan.** Ibnu Majah, Ahmad, Ibnu Khuzaimah dan al-Baihaqi juga meriwayatkannya. Ibnu Khuzaimah, Ibnu Hibbaan dan al-Haakim bahkan mengatakan ia sahih.

Panduan dan pedoman daripada hadits:

(1) Apa yang disebut oleh Rasulullah s.a.w. di dalam hadits ini termasuk dalam perkara ghaib. Semua orang yang beriman wajib mempercayainya tanpa berdolak-dalik lagi.

(2) Dengan mengamalkan doa ini, anda diharapkan terpelihara daripada segala gangguan lahir dan batin. Anda juga akan terpelihara daripada gangguan jin dan syaitan.

³³ Qiblat menurut bahasa `Arab bererti arah atau sesuatu yang dihadapi dan ditujui. Menurut istilah pula ia bererti arah ke Ka'bah di Mekah iaitu arah yang dihadapi oleh orang Islam ketika bersembahyang. Sebagaimana umat Islam diperintah menghadap

qiblat ketika bersembahyang kerana menghormati dan memuliakannya, begitu juga mereka dilarang daripada menghadap ke arahnya atau membelakanginya ketika membuang air. Sebabnya sama iaitu sebagai menghormati qiblat dan memuliakannya. Perkataan larangan dipilih untuk menterjemahkan perkataan كراهية. Ia boleh memberi erti makruh tanzihī (sesuatu yang elok ditinggalkan atau lebih beradab jika ditinggalkan), dan juga makruh taḥrīmī (sesuatu yang tidak haram, tetapi hampir-hampir haram). Di sini ia lebih memberi erti makruh taḥrīmī atau memang haram (menurut sesetengah 'ulama').

Daripada tajuk bab yang diadakan oleh Abu Daud, para 'ulama' menyimpulkan pandangannya dalam masalah ini. Bagi mereka, Imam Abu Daud berpendapat menghadap qiblat ketika membuang air itu makruh hukumnya secara mutlaq, sama ada di tempat tertutup atau terbuka, tetapi dalam keadaan dharurat pula ia dibenarkan. Itulah sebabnya beliau mengadakan pula satu bab lain selepas ini yang menunjukkan keharusan menghadap qiblat ketika membuang air (باب الرخصة في ذلك).

Antara tujuan Imam Abu Daud mengadakan tajuk bab ini ialah menyatakan sebahagian daripada adab dan disiplin yang diajarkan oleh Rasulullah s.a.w. kepada umatnya ketika membuang air. Mereka dikehendaki tidak menghadap ke arah qiblat atau membelakanginya. Umat Islam dianjurkan supaya menghadap ke arah lain dengan menjadikan qiblat di sebelah kanannya atau di sebelah kirinya. Jika seseorang berada di sebelah Madinah, atau Mekah berada di sebelah utara atau selatan tempat tinggalnya, maka ia hendaklah menghadap ke arah timur atau barat ketika membuang air. Dengan itu terhindarlah ia daripada menghadap qiblat atau membelakanginya.

³⁴ Qadha' hajat yang dimaksudkan di sini merangkumi buang air besar dan air kecil kedua-dua sekali.

Para 'ulama' berbeda pendapat tentang hukum menghadap qiblat dan membelakanginya ketika membuang air. Di bawah ini adalah perinciannya:

(1) Dilarang secara mutlaq. (2) Diharuskan secara mutlaq. (3) Ada perbezaan hukum antara di tempat terbuka dan di dalam binaan atau bangunan atau tempat tertutup. (4) Tidak harus menghadap ke arah qiblat secara mutlaq, baik di tanah lapang atau di tempat tertutup, tetapi harus membelakanginya juga secara mutlaq. Ini adalah salah satu daripada dua riwayat yang dinukilkan daripada Abu Hanifah dan Ahmad. (5) Larangan menghadap qiblat atau membelakanginya itu hanya larangan tanzihī yang memberi erti makruh tanzihī sahaja, bukan makruh taḥrīmī. Ini merupakan satu lagi pendapat yang dinukilkan daripada Abu Hanifah, Ahmad dan Abu Tsaur. (6) Harus membelakangi qiblat di dalam bangunan sahaja, di tempat terbuka tidak dibenarkan juga. Antara yang dinukilkan berpendapat begini ialah Abu Yusuf. (7) Haram secara mutlaq, termasuk menghadap atau membelakangi qiblat yang telah dimansuhkan (Baitul Maqdis). Inilah pendapat yang dinukilkan daripada Ibrahim dan Ibnu Sirin. (8) Hukum haramnya khusus dengan penduduk Madinah dan orang-orang yang berada pada arah mereka. Orang yang qiblatnya berada di sebelah barat atau timur boleh saja menghadap qiblat atau membelakanginya. Ini adalah pendapat yang dinukilkan daripada Abu 'Awānah, murid al-Muzani.

٧- حَدَّثَنَا مُسَدَّدُ بْنُ مُسْرَهْدٍ حَدَّثَنَا أَبُو مُعَاوِيَةَ عَنْ الْأَعْمَشِ عَنْ إِبْرَاهِيمَ عَنْ عَبْدِ الرَّحْمَنِ بْنِ يَزِيدَ عَنْ سَلْمَانَ قَالَ قِيلَ لَهُ لَقَدْ عَلَّمَكُمْ نَبِيُّكُمْ كُلَّ شَيْءٍ حَتَّى الْخِزَاءَةَ قَالَ أَجَلَ لَقَدْ نَهَانَا صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ أَنْ نَسْتَقْبِلَ الْقِبْلَةَ بِغَائِطٍ أَوْ بَوْلٍ وَأَنْ لَا نَسْتَنْجِيَ بِالْيَمِينِ وَأَنْ لَا يَسْتَنْجِيَ أَحَدُنَا بِأَقْلٍ مِنْ ثَلَاثَةِ أَحْجَارٍ أَوْ نَسْتَنْجِيَ بِرَجِيعٍ أَوْ عَظْمٍ.

7- Musaddad bin Musarhad meriwayatkan kepada kami, katanya: Abu Mu'aawiah meriwayatkan kepada kami daripada al-A'masy daripada Ibrahim daripada 'Abdir Rahman bin Yazid daripada Salman, beliau berkata: Pernah dikatakan kepadanya,³⁵ "Sesungguhnya Nabi kamu telah mengajarkan

Empat yang pertama itu disebut oleh al-'Aini sebagai pendapat yang masyhur di kalangan 'ulama'. Imam an-Nawawi tidak menyebut selain yang empat itu. Begitu juga kebanyakan pensyarah Sahih al-Bukhari. Syekhul Hadits Maulana Zakaria menyebut, tiga yang pertama daripadanya itulah yang paling masyhur di kalangan 'ulama'. Kebanyakan pensyarah kitab-kitab hadits menyebutkannya.

Pertama ialah dilarang secara mutlaq. Ia merupakan pendapat Abu Ayyub al-Anshaari, Mujahid, Ibrahim an-Nakha'i, ats-Tsauri, Abu Tsaur dan Ahmad dalam satu riwayat daripadanya.

Ibnu H̄azam di dalam al-Muḥalla menulis, itu (juga) adalah pendapat Abu Hurairah, Ibnu Mas'ud, Surāqah bin Malik, 'Athā', al-Auzaa'i dan ramai dari kalangan Salaf yang terdiri daripada para Sahabat dan Tabi'in.

Hafizh Ibnu Hajar pula menyebutkan bahawa itulah yang masyhur dinukilkan daripada Abu Hanifah dan Ahmad. Itu juga merupakan pegangan Abu Tsaur, murid asy-Syafi'e. Di kalangan para 'ulama' Malikiyyah, Ibnu al-'Arabi mentarjihkannya. Di kalangan para 'ulama' Zhahiriyyah pula Ibnu H̄azam mentarjihkannya. Hujah mereka ialah larangan perlu diutamakan daripada keharusan.

Kedua ialah diharuskan secara mutlaq. Itulah mazhab 'Urwah bin az-Zubair, Rabī'ah ar-Rā'i guru Imam Malik, dan Daud az-Zhahiri.

Ketiga ialah ada perbezaan hukum antara di tempat terbuka dan di dalam binaan atau bangunan atau tempat tertutup. Di tempat terbuka terlarang, sementara di tempat-tempat tertutup seperti di dalam bangunan dan lain-lain pula diharuskan. Inilah mazhab tiga daripada empat imam besar umat Islam iaitu Malik, Syafi'e dan Ahmad. Dan ia juga diriwayatkan daripada al-'Abbaas bin 'Abdil Mutthalib, 'Abdillah bin 'Umar, asy-Sya'bi, Ishaq bin Rāhawaih dan lain-lain." Menurut Hafizh Ibnu Hajar, ini adalah pendapat jumhur 'ulama'.

³⁵ Yang berkata kepada Salman begitu menurut sesetengah 'ulama' adalah orang-orang kafir di Madinah. Menurut Ibnu Ruslan pula yang berkata begitu kepadanya ialah seorang Yahudi. Yang pasti ialah orang itu bukan orang Islam. Antara bukti ia bukan orang Islam ialah katanya "Nabi kamu telah mengajarkan kepadamu segala perkara". Orang Islam sekali-kali tidak akan berkata begitu.

kepadamu segala perkara, termasuk cara dan adab qadha' hajat!" Salman menjawab, "Benar, Baginda s.a.w. telah melarang kami daripada menghadap qiblat ketika membuang air besar atau air kecil,³⁶ beristinja³⁷ dengan tangan kanan,³⁸ beristinja dengan kurang daripada tiga biji anak batu,³⁹ dan⁴⁰ beristinja dengan kotoran binatang atau tulang."⁴¹

³⁶ Potongan sabda Nabi s.a.w. ini merupakan dalil yang menjadi pegangan bagi orang-orang yang berpendapat larangan Nabi s.a.w. hanya khusus dengan menghadap ke arah qiblat sahaja, tidak termasuk membelakanginya.

Oleh itu ketika membina tandas, kita umat Islam hendaklah memastikan mangkuk tandas tidak menghadap ke arah qiblat atau membelakanginya.

³⁷ Perkataan لا sebelum perkataan نستنجي di dalam hadits adalah زائدة. Istinja' bererti membersihkan tempat keluar najis iaitu qubul dan dubur.

³⁸ Berhubung dengan larangan beristinja' dengan tangan kanan Imam an-Nawawi berkata, "Para 'ulama' ijma' tentang memang ia dilarang. Cuma jumhur 'ulama' berpendapat ia adalah larangan tanzih dan adab semata-mata (larangan yang menyatakan lebih elok dan lebih beradab sahaja), bukan larangan ta'hir. Sesetengah Ahlu az-Zhahir berpendapat ia adalah larangan ta'hir (yang memberi erti haram). Sekumpulan 'ulama' kita (mazhab Syafi'e) juga berpendapat haram, tetapi pendapat mereka itu tidaklah perlu dijadikan pegangan."

'Illat larangan beristinja' dengan tangan kanan ialah sebagai memuliakannya dan menjaga kebersihannya.

³⁹ Perkataan لا sebelum perkataan يستنجي di sini juga زائدة. Di dalam sesetengah nuskah bahkan tiada pun لا sebelumnya.

Air adalah bahan asal untuk beristinja'. Jika tiada air atau terdapat kesukaran dalam penggunaan air, maka anak batu atau lain-lain benda seperti kertas tisu juga boleh diguna untuk mengesat tempat keluar najis.

Dalam masalah ini juga para 'ulama' berbeza pandangan. As-Syaukani di dalam Nailul Authar menulis, "Syafi'e, Ahmad, Ishaq, dan Abu Tsaur berpendapat wajib hukumnya istinja' itu. (Jika beristinja' dengan batu maka) Wajib juga beristinja' dengan menggunakan tiga biji anak batu, atau dengan tiga sapuan (jika beristinja' dengan sebiji anak batu sahaja). Jika seseorang beristinja' untuk qubul dan duburnya maka wajib enam sapuan. Untuk masing-masing daripadanya tiga sapuan. Mereka berkata, "Yang paling afdhal ialah dengan tiga biji anak batu. Jika ia berpada dengan sebiji anak batu yang mempunyai enam bucu sahaja pun sudah memadai.

Malik dan Daud pula berpendapat, "Apa yang wajib ialah membersihkan tempat keluar najis sahaja. Jika ia terhasil dengan sebiji anak batu pun sudah memadai. Ini juga pendapat sesetengah tokoh 'ulama' dalam mazhab Syafi'e. Al-'Itrah (para 'ulama' dari kalangan anak cucu Nabi s.a.w.) dan Abu Hanifah pula berpendapat menyapu dengan tiga biji anak batu itu tidak wajib."

Larangan yang tersebut di dalam hadits itu menurut Ḥanafīyyah, dipakai dengan erti pada kebiasaannya tempat keluar najis itu tidak bersih melainkan apabila ia disapu dengan tiga biji anak batu. Adapun apabila tempat itu boleh bersih dengan kurang daripada tiga biji anak batu atau tempat itu tidak berlumuran dengan najis, atau langsung tiada kesan najis padanya sehingga dirasakan tidak perlu langsung beristinja', maka dalam keadaan itu jika seseorang beristinja' dengan dua biji atau sebiji anak batu sahaja, atau ia langsung tidak beristinja' sekalipun, niscaya tidaklah ia termasuk dalam larangan tersebut.

Pendapat Syafī'īyyah dalam masalah muḥrim tidak perlu membasuh pakaiannya yang berlumuran dengan wangian (air wangi dan sebagainya) sebanyak tiga kali, sama dengan pendapat kita (golongan Ḥanafīyyah) dalam masalah ini. Padahal ada juga hadits Nabi s.a.w. yang menyuruh membasuhnya sebanyak tiga kali! Sabda Baginda: أما الطيب الذي بك فاغسله ثلاث مرات Bermaksud: Adapun wangian yang ada pada pakainmu itu maka basuhlah ia sebanyak tiga kali."

Kata an-Nawawī, "Perintah Nabi s.a.w. supaya membasuh sebanyak tiga kali itu semata-mata berlebih-lebihan (مبالغة) untuk menghilangkan warna dan baunya, padahal yang wajib hanyalah menghilangkannya. Jika ia terhasil dengan sekali basuh sahaja, maka itu sudah mencukupi. Tidak wajib lagi ia membasuh lebih dari itu."

⁴⁰ Penulis memilih perkataan "dan" di sini untuk menterjemahkan perkataan أو, kerana أو sering juga dipakai dengan erti و (dan) dalam bahasa 'Arab. Alasan kedua menterjemahkannya dengan "dan" ialah أو di sini digunakan sebagai 'athaf. Menterjemahkannya dengan "atau" boleh menimbulkan kekeliruan ia dipakai dengan erti syak (لشك). Jadi maksudnya ialah Nabi s.a.w. juga melarang kami daripada menggunakan kotoran dan tulang untuk beristinja'.

⁴¹ رجيع ialah kotoran, najis atau tahi binatang, sama ada yang halal dimakan atau tidak, termasuk tahi manusia. Berdasarkan riwayat Ruwaifi' bin Tsabit yang dikemukakan oleh Imam Abu Daud juga, di sini tersebut رجيع دابة (kotoran atau tahi binatang). Adapun tahi manusia maka ia termasuk di bawah sabda Rasulullah s.a.w.: إنها ركس (sesungguhnya ia kotor / najis). Imam an-Nawawī di dalam Syarah Muslim berkata, "Di dalam hadits ini terdapat larangan daripada menggunakan segala najis untuk beristinja'. Dengan menyebut رجيع Nabi s.a.w. mengingatkan kita kepada segala macam najis. Tulang dilarang kerana ia merupakan makanan jin. Dengannya Baginda mengingatkan kita kepada segala macam makanan."

Jadi kesimpulannya ialah Nabi s.a.w. melarang kita daripada menggunakan segala macam najis dan segala macam makanan untuk beristinja'.

Segolongan 'ulama' berpendapat, رجيع atau tahi binatang yang dilarang kita beristinja' dengannya itu ialah tahi binatang yang halal dimakan, seperti lembu, kambing, unta dan lain-lain. Kerana ia menurut mereka tidak najis (suci). Adapun tahi binatang yang haram dimakan, maka ia memang najis dan tidak perlu disebutkan lagi. Menggunakannya untuk beristinja' bererti semakin mengotorkan lagi tempat keluar najis bukan akan membersihkannya.

Sebabnya kita dilarang beristinja' dengan tulang dan tahi binatang yang halal dimakan juga ialah kerana kedua-duanya merupakan makanan saudara kita jin Islam. Tulang

8- حَدَّثَنَا عَبْدُ اللَّهِ بْنُ مُحَمَّدٍ النَّفِيلِيُّ حَدَّثَنَا ابْنُ الْمُبَارَكِ عَنْ مُحَمَّدِ بْنِ عَجْلَانَ عَنْ الْقَعْقَاعِ بْنِ حَكِيمٍ عَنْ أَبِي صَالِحٍ عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ قَالَ قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ إِنَّمَا أَنَا لَكُمْ بِمَنْزِلَةِ الْوَالِدِ أَعْلَمُكُمْ فَإِذَا أَنَّى أَحَدُكُمْ الْعَائِظُ فَلَا يَسْتَقْبِلُ الْقِبْلَةَ وَلَا يَسْتَذِيرُهَا وَلَا يَسْتَتِطِبُ بِتَمِيمِهِ وَكَانَ يَأْمُرُ بِثَلَاثَةِ أَحْجَارٍ وَيَنْهَى عَنِ الرُّوثِ وَالرَّمَّةِ

8- #`Abdullah bin Muhammad an-Nufaili<sup>42</sup> meriwayatkan kepada kami, katanya: Ibnu al-Mubarak<sup>43</sup> meriwayatkan kepada kami daripada Muhammad bin `Ajlān⁴⁴ daripada al-Qa`qā` bin Hakīm⁴⁵ daripada Abi Shāleh⁴⁶ daripada

adalah makanan jin itu sendiri, tahi binatang pula merupakan makanan kepada ternakan mereka. Oleh kerana kedua-duanya berguna kepada mereka sebagai makanan, maka sebagai menghormati mereka kita dilarang daripada mengotorkannya dan merosakkannya.

Sebab larangan beristinja' dengan tulang yang tersebut di dalam hadits ialah kerana ia makanan golongan jin, dan sebab larangan beristinja' dengan tahi binatang (termasuk tahi binatang yang halal dimakan) pula ialah kerana ia merupakan makanan ternakan mereka. Apa yang tersebut di dalam hadits itulah 'illat yang mu'tabar dalam menentukan sebab kenapa ia dilarang digunakan untuk beristinja'.

Kedudukan hadits ke-7: Sahih. Selain diriwayatkan oleh Abu Daud, hadits ini diriwayatkan juga oleh Muslim, Tirmidzi, Nasaa'i, Ibnu Majah dan lain-lain.

⁴² Beliau ialah `Abdullah bin Muhammad bin `Ali bin Nufail al-Qudhā'i an-Nufaili al-Ĥarrāni al-Ĥāfīz. Abu Ja'far adalah kunyahnya. `Abdullah bin Muhammad an-Nufaili adalah salah seorang tokoh dan imam umat, beliau juga seorang perawi yang tsiqah lagi ma'mūn. Meninggal dunia pada tahun 234 Hijrah.

⁴³ Beliau ialah `Abdullah bin al-Mubarak bin Wādhih al-Ĥanzhali (Maula mereka) al-Marwazi. Abu `Abdir Rahman adalah kunyahnya. Beliau adalah salah seorang tokoh, imam dan Syeikhul Islam, selain merupakan seorang perawi yang tsiqah, teguh, faqih, alim, pemurah dan pejuang. Dilahirkan pada tahun 118 Hijrah dan meninggal dunia pada tahun 181 Hijrah.

⁴⁴ al-Qurasyi al-Madani. Abu `Abdillah adalah kunyahnya. Muhammad bin `Ajlān adalah salah seorang ulama yang beramal dengan ilmunya dan imam yang shadūq lagi masyhur. Ahmad, Ibnu Ma'īn, Ibnu `Uyainah, Abu Haatim, an-Nasaa'i dan Abu Zur'ah mengatakan beliau tsiqah, tetapi Bukhari telah menyebutnya sebagai salah seorang yang dha'if. Imam Bukhari hanya meriwayatkan haditsnya secara ta'liq sahaja. Imam Muslim pula hanya mengambil riwayatnya untuk mutāba'ah semata-mata, beliau tidak berhujah dengan riwayatnya.

Adz-Dzahabi di dalam Mizān al-I'tidāl berkata, "Imam-imam kita dari kalangan Muta'akkhirīn mengatainya di sudut keburukan ingatannya. Kata Yahya al-Qatthān, "Dia mudhtharib (tidak tetap) dalam meriwayatkan hadits Nāfi'." Kata Malik bin Anas, "Ibnu `Ajlān tidak mengetahui benda-benda ini. Dia tidak alim." Ibnu `Ajlāni berada dalam kandungan ibunya selama tiga tahun. Perut ibunya dibedah setelah ia

Abi Hurairah,⁴⁷ beliau berkata, Rasulullah s.a.w. bersabda, “Sesungguhnya aku bagi kamu semua seperti seorang ayah,⁴⁸ aku hendak mengajar kamu;⁴⁹ apabila seseorang daripada kamu hendak buang air, janganlah ia menghadap qiblat, jangan pula membelakanginya, dan jangan beristinja’ dengan tangan kanannya.” Dan Baginda juga menyuruh agar beristinja’ dengan tiga biji anak batu, serta melarang beristinja’ dengan kotoran (tahi) binatang dan tulang usang.⁵⁰

meninggal dunia, dan Ibnu ‘Ajlān dikeluarkan dalam keadaan telah bergigi (telah tumbuh gigi-giginya). ‘Ajlān (ayah Muhammad) adalah Maula bagi Fāthimah binti al-Walid bin ‘Utbah bin Rabī’ah bin ‘Abdi Syams. Muhammad bin ‘Ajlān meninggal dunia pada tahun 148 Hijrah.

⁴⁵ al-Kināni al-Madani. Ahmad dan Ibnu Ma‘īn berkata, “Tsiqah”. Ibnu Hibbaan juga menyenaraikan namanya dalam perawi-perawi tsiqāt.

⁴⁶ as-Sammān az-Zayyāt al-Madani. Nama sebenarnya ialah Dzakwān. Beliau adalah seorang perawi tsiqah lagi teguh. Kerjanya ialah membawa masuk minyak dari luar ke Kufah. Beliau meninggal dunia pada tahun 101 Hijrah.

⁴⁷ ad-Dausi al-Yamāni. Salah seorang sahabat Rasulullah s.a.w. dan Ḥāfīzh hadīts di kalangan sahabat. Rasulullah s.a.w. telah menggelarnya dengan gelaran Abu Hurairah, menurut salah satu riwayat, disebabkan beliau selalu membawa bersama anak-anak kucing. Terdapat khilaf (perbedaan pendapat) yang banyak tentang namanya dan nama ayahnya. Abu Hurairah meninggal dunia pada tahun 58 Hijrah ketika berumur 78 tahun.

⁴⁸ Lafaz riwayat an-Nasaa’i dan Ibnu Majah ialah: *إنما أنا لكم مثل الوالد* (Sesungguhnya aku bagimu seperti ayah). Terdapat sedikit tambahan selepasnya di dalam riwayat Ibnu Majah, iaitu: *لولده* (bagi anaknya). Maksudnya ialah dalam kasih sayang dan perasaan belas kasihan, bukan dalam darjat dan ketinggian, kerana tiada siapa pun menyamai Nabi s.a.w. dalam hal itu.

Sebagaimana seorang ayah mengajar adab kepada anaknya, aku juga hendak mengajar ajaran-ajaran agamamu dan adab sopan Syari’at kepadamu.

⁴⁹ Maksudnya ialah segala perkara yang diperlukan olehmu berhubung dengan urusan ugamamu. Perkara yang jelik atau memalukan pada anggapanmu tidaklah akan menghalangiku daripada menyebutkan tentangnya kepadamu dengan terus terang. Rasulullah s.a.w. berkata begini terlebih dahulu sebagai pendahuluan bagi apa yang akan diterangkannya berkenaan dengan adab sopan ketika membuang air. Sebabnya ialah manusia pada kebiasaannya malu menyebut tentangnya di hadapan orang-orang besar atau sudah berumur.

⁵⁰ Walaupun di dalam hadīts ini disebutkan tulang usang, namun yang dimaksudkan ialah tulang secara umum, sama ada yang baharu atau usang (sudah sangat lama), sebagaimana tersebut di dalam hadīts-hadīts yang lain. Menyebutkan tulang usang tidak lebih daripada untuk menghilangkan kekeliruan yang mungkin timbul dalam benak seseorang, bahawa yang dilarang hanyalah tulang baharu, kerana ia merupakan